

# Mengukuhkan menangani

B.H 5 NOV 1993

UCAPAN Presiden Umno Datuk Seri Dr  
Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung  
Umno di Pusat Dagangah Dunia Putra,  
Kuala Lumpur.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi mengadakan Perhimpunan Agung parti kita, Umno.

Saya, bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi Umno, mengucapkan selamat datang kepada ketua-ketua dan wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional, tetamu, perwakilan dan pemerhati ke perhimpunan ini. Semoga Allah s.w.t memberi restu dan petunjuk-Nya kepada kita.

## Pencapaian negara

Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana setelah 36 tahun merdeka, pencapaian negara dalam semua bidang masih baik. Sementara banyak negara yang sudah merdeka bersama kita gagal mencapai kemajuan yang diharapkan, bahkan ada yang menjadi lebih buruk keadaan mereka daripada sebelum merdeka, Malaysia sudah maju ke depan dan bangun dengan pesatnya. Sembilan puluh peratus daripada pembangunan yang dilihat di Kuala Lumpur dihasilkan selepas merdeka. Demikian juga di tempat-tempat lain, di dalam dan di luar bandar.

Hari ini negara kita bukan saja aman dan stabil daripada segi politik dan keselamatan, tetapi juga ekonominya turut berkembang maju. Dengan secara konsisten kita sudah berjaya mencatat pertumbuhan yang tinggi. Bagi tempoh lima tahun yang lalu kita sudah berturut-turut mencatat kadar pertumbuhan ekonomi purta sebanyak lebih lapan peratus. Lebih membebangsangkan ialah pertumbuhan tinggi ini dicapai tanpa inflasi yang tinggi.

Pada tahun ini ekonomi negara di jangka tumbuh pada kadar lebih

Kita bersyukur kita tidak bergantung kepada bantuan dan *hand-outs* dari luar. Sedikit sebanyak ini memberi kebebasan kepada Malaysia untuk mengemukakan pandangannya dan bersuara di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu yang kontroversial.

Kini taraf hidup rakyat Malaysia adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan sebelum merdeka. Pendapatan per kapita penduduk negara ini sekarang ialah kira-kira RM8,350 berbanding dengan RM1,937 pada tahun 1970. Tetapi jika kita mengambilkira kuasa membeli wang kita atau mengikut *Purchasing Power Parity* ia adalah sekali ganda lebih tinggi. Ini kerana kita berjaya mengawal harga dan membendung inflasi.

Kita juga kini berjaya meletakkan asas-asas ekonomi yang lebih kukuh bagi negara. Daripada sebuah negara pertanian yang bergantung hanya kepada eksport barangan mentah, kegiatan ekonomi negara kita kini lebih meluas dan meliputi industri pembuatan yang canggih.

Pada hari ini, sektor pembuatan menjadi kegiatan utama negara dengan eksport barangan buatan sebanyak 71 peratus daripada jumlah eksport negara.

Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sudah membolehkan kita menumpukan perhatian terhadap pembangunan negara. Hasil pembangunan yang pesat, rakyat Malaysia mempunyai kemudahan pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang baik dan kebanyakannya setaraf dengan negara maju. Tidak ada negara membangun lain yang dapat membekalkan elektrik dan air hampir ke semua kawasan luar bandar serta mempunyai rangkaian jalan raya dan kemudahan-kemudahan lain yang baik.

**cabaran**  
**Kekuatan**

sedikit daripada lapan peratus. Kadar pengangguran juga rendah, iaitu 3.6 peratus. Menurut takrif antarabangsa, negara kita sudah pun mencapai *full employment* kerana yang masih menganggur sebenarnya memilih untuk tidak bekerja, dan bukan kerana tidak ada kerja. Adanya banyak pendatang asing di negara kita ialah kerana peluang pekerjaan yang lebih banyak daripada bilangan penganggur.

### Ekonomi dan kewangan negara yang kukuh

Kedudukan kewangan negara juga kukuh dan pada hari ini kita mempunyai simpanan sejumlah kira-kira RM57 ribu juta. Ini adalah satu jumlah yang terbesar yang pernah dikumpul. Kita bernasib baik kerana hutang luar negeri kita kecil. Banyak negara di Amerika Latin dan Afrika tidak dapat mengembangkan ekonomi mereka kerana terpaksa membayar pinjaman luar negeri yang besar yang menelan sebahagian besar daripada hasil mereka.

Kita juga berjaya mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat, terutama orang Melayu dan Bumiputera. Kadar kemiskinan sudah berjaya dikurangkan daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 13.6 peratus tahun lalu. Kerajaan akan terus memberi perhatian khusus kepada usaha mengurangkan lagi kadar kemiskinan ini. Insya-Allah kemiskinan secara mutlak akan kita hapuskan walaupun sudah tentu tidak mungkin kemiskinan secara relatif.

### Pentadbiran yang cekap

Kita juga bersyukur kerana mempunyai jentera pentadbiran yang boleh dibanggakan. Ia bukan saja cekap, berdisiplin dan produktif, tetapi juga bermutu tinggi dan sebanding dengan jentera pentadbiran di negara maju. Ini membolehkan negara kita melaksanakan proses pembangunan dengan lebih lebih licin dan berkesan.

Kita sudah memperkenalkan banyak dalam sistem pentadbiran. Jika dulu pentadbir kita kurang bekerjasama dengan sektor swasta, hari ini kita jadikan sektor awam dan sektor swasta sebagai satu pasukan yang bekerjasama untuk menjayakan pembangunan negara. Perkara-perkara yang difikirkan lebih sesuai diuruskan oleh sektor swasta dipindahkan kepada sektor swasta melalui proses pen-swastaan.

Bagi pentadbir pula kerajaan sudah menggubal sistem saraan yang memberi penghargaan kepada prestasi pegawai dan kakitangannya. Mereka yang hanya menumpang tidak akan mendapat layanan yang sama dengan mereka yang betul-betul berusaha dan produktif. Kenaikan pangkat dan upahan akan diasaskan kepada sumbangan terhadap prestasi pentadbiran. Dengan cara ini kita percaya produktiviti dan kualiti akan meningkat.

Sudah tentu kakitangan Kerajaan yang tidak mendapat manfaat daripada sistem ini akan kecewa. Tetapi rakyat akan lebih kecewa jika mereka tidak mendapat khidmat yang mereka berhak mendapat.

Sistem Saraan Baru adalah satu

pendekatan yang baru dan unik. Masa akan membuktikan sama ada sistem ini baik atau tidak. Membuat ramalan tidak berguna. Yang diperlukan ialah ujian secara praktikal.

Pencapaian semua kemajuan yang cemerlang ini menjadi lebih *significant* memandangkan Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, suatu keadaan yang biasanya menyulitkan pentadbiran di kebanyakan negara majmuk.

### Ke arah negara maju

Seperti yang kita sedia maklum, kita sedang menyusun langkah ke arah menjadi sebuah negara maju. Kita mahu mencapai taraf negara maju kerana kita mahu menentukan Malaysia kekal menjadi negara yang benar-benar bebas. Dengan mencapai taraf negara maju, kita percaya kita tidak akan mudah ditekan lagi oleh kuasa-kuasa dunia dalam bidang politik, ekonomi atau sosial. Kita juga mahu rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih tinggi serta cekap dan berkemampuan dalam semua bidang terutama dalam penggunaan segala teknologi yang canggih untuk memajukan negara.

### Pencapaian Melayu dan Bumiputera

Kita juga tidak boleh menafikan bahawa masyarakat Melayu dan Bumiputera pada keseluruhannya sudah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang.

Kalau di zaman penjajahan Inggeris, anak Melayu dan Bumiputera hanya menjadi petani dan pegawai rendah kerajaan saja, kini nasib kita sudah banyak berubah. Sekarang kita sudah pun mempunyai anak Melayu dan Bumiputera sebagai ketua jabatan, saintis, *actuarist*, ahli fizik nuklear, pakar bedah dan pakar dalam pelbagai

jurusan perubatan, juruterbang, ahli bank dan ahli korporat yang terkemuka. Bahkan sudah ada yang mengurus syarikat gergasi dengan aset bernilai beribu-ribu juta ringgit dan berani membeli syarikat besar terkemuka di pasaran terbuka serta membuat merger dan acquisition yang canggih dan kompleks.

Lebih memberangsangkan ialah kebanyakan anak Melayu dan Bumiputera yang berjaya ini berasal dari kawasan luar bandar dan daripada keluarga petani, nelayan dan peneroka.

Kalau dulu amat sukar untuk melihat orang Melayu dan Bumiputera berniaga di pekan-pekan dan bandar besar, hari ini ramai yang boleh didapati di tempat-tempat ini. Bahkan sudah ada banyak bangunan besar di bandar yang dimiliki oleh orang Melayu dan Bumiputera sedangkan dulu rumah kedai berderet dua tingkat pun tidak dimiliki oleh mereka.

Inilah antara kejayaan yang sudah dicapai oleh orang Melayu dan Bumiputera. Kejayaan ini membuktikan bahawa orang Melayu dan Bumiputera mempunyai kemampuan dan bakat untuk maju dan berjaya dalam apa juga bidang jika mereka betul-betul berminat serta diberi peluang dan latihan yang secukupnya.

Kejayaan ini juga adalah satu kejayaan Umno yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Anak Melayu dan Bumiputera yang kini berjaya sebagai saintis, ahli korporat, ilmuwan dan sebagainya adalah kerana perjuangan Umno dan kerajaan pimpinan Umno. Janganlah ada pihak yang berkata bahawa mana-mana kerajaan pun akan berbuat demikian kerana ini memang tanggungjawab kerajaan.

Sebenarnya banyak kerajaan di dunia yang bukan saja tidak menolong menjayakan kelompok-kelompok masyarakat mereka yang ter-

menjayakan rancangan kerajaan. Tetapi ada lebih ramai lagi mereka yang rapat dengan menteri-menteri kerajaan yang tidak mendapat apaapa. Kriteria yang digunakan ialah kebolehan, bukan kerana keluarga atau kawan.

Untuk menimbulkan kemarahan orang ramai, cara yang mudah ialah dengan mengutuk orang yang berada. Ideologi sosialisme dan komunisme diasaskan antara lain kepada kebencian orang yang tidak berada kepada yang berada. Tetapi kita tahu sekarang bahawa ideologi-ideologi ini hanya berjaya menjadikan semua anggota masyarakat lebih miskin dan bukannya lebih kaya. Selepas 70 tahun, pengamal ideologi komunisme sedar bahawa komunisme dan sosialisme yang diasaskan kepada kebencian terhadap mereka yang berada, tidak menguntungkan sesiapa.

Dalam mana-mana juga masyarakat sudah tentu ada yang miskin dan ada yang kaya. Kita boleh mengadakan masyarakat yang semua anggotanya miskin. Tetapi kita

## **Pekerja dan kemajuan negara**

Dalam masyarakat yang bertamadun, undang-undang dan peraturan-peraturan diadakan untuk menentukan hidup bermasyarakat menjadi sempurna, selamat dan aman. Sistem kehakiman diwujudkan untuk mencari keadilan dan menyelesaikan sebarang pertikaian dalam masyarakat secara teratur dengan tidak terlalu merugikan pihak-pihak yang bersengketa.

Hanya berkenaan pertikaian di antara majikan dengan pekerja saja yang pendekatan ini tidak digunakan. Sebaliknya pendekatan yang amat primitif digunakan iaitu ujian kekuatan melalui mogok dan tindakan-tindakan perusahaan lain. Siapa yang kuat, dia akan menang.

Cara ini amat merugikan kerana keputusan bukan berasaskan ke-

**LIHAT MUKA 11**

tinggal, tetapi juga tidak berjaya membangunkan negara mereka. Dan ini termasuk kerajaan negara yang sudah maju. Kerajaan yang berjaya mengatasi kebanyakan masalah negara dan rakyat sebenarnya tidak banyak.

Kita bersyukur kerana majoriti anak Melayu dan Bumiputera yang berjaya tidak lupa mengenang budi. Yang lupa sedikit saja tetapi seperti biasa mereka menarik perhatian.

Malangnya bukan semua orang Melayu dan Bumiputera menyambut baik kejayaan ini. Apabila orang asing mendakwa Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Penswastaan hanya menguntungkan sebilangan kecil elit Melayu yang kaya, dakwaan ini disambut oleh parti lawan bukan Bumiputera serta parti sosialis bukan Melayu. Dakwaan ini juga disambut oleh sebilangan daripada orang Melayu dan Bumiputera yang terpelajar.

Sebenarnya mereka sendiri, yang mempunyai intelek dan tempat sehingga teguran mereka menarik perhatian orang, adalah golongan yang turut mendapat nikmat daripada DEB. Jika tidak, kerana DEB, mereka tidak akan mendapat pelajaran dan kedudukan yang tinggi. Merekalah sebenarnya elit yang mendapat nikmat daripada DEB tetapi tidak mengenang budi. Jika mereka berpendapat DEB hanya menguntungkan segelintir orang Melayu, merekalah orang Melayu itu.

Sebenarnya DEB dan penswastaan menguntungkan semua lapisan rakyat. Bantuan dan peluang pelajaran di semua peringkat, bantuan pertanian, kemudahan bagi penduduk luar bandar, program pembasmian kemiskinan, pengagihan saham-saham syarikat gergasi melalui Permodalan Nasional Berhad dan badan-badan amanah lain, penjualan saham syarikat yang diswastakan kepada pekerja dan Bumiputera - semua ini berdasarkan kepada DEB dan penswastaan. Tidak ada siapa yang boleh mendakwa ia tidak mendapat apa-apa nikmat pun daripada DEB atau Penswastaan.

Memang benar ada beberapa syarikat besar milik Bumiputera yang berjaya menender dan mengambil alih syarikat atau jabatan Kerajaan yang diswastakan. Tetapi apakah dapat kerajaan memindahkan jabatan atau syarikat kerajaan yang besar kepada orang yang tidak mempunyai modal dan pengalaman dalam bidang perniagaan? Memindahkan jabatan kepada pekerja-pekerja pun adalah tidak mungkin. Tetapi kerana ada orang yang bermodal dan berpengalaman dalam bidang pengurusan yang sanggup membeli sebahagian daripada badan yang diswastakan, maka pekerja juga dapat menumpang membeli saham yang dikhaskan untuk mereka. Dan, apabila disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, orang ramai juga boleh membeli saham syarikat itu. Jika mereka menyimpan saham-saham mereka, mereka akan menikmati kenaikan nilainya pula.

Jika ternampak seolah-olah orang yang mendapat peluang ini terdiri daripada orang yang rapat dengan pemimpin Kerajaan, ia adalah kerana kerajaan ini sengaja mendekati peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang berbakat. Mereka boleh menolong

tidak mungkin mengadakan satu masyarakat yang semuanya kaya. Jikalau semua orang kaya, semua khidmat dan barangan akan menjadi mahal kerana dibekalkan oleh orang yang kaya. Kerana semuanya mahal, semua anggota masyarakat tidak dapat membeli banyak barangan atau perkhidmatan. Ini bermakna daripada segi kuasa membeli, semua mereka adalah miskin.

Sebaliknya dalam masyarakat di mana ada yang kaya, yang miskin boleh menumpang. Yang miskin boleh mendapat pekerjaan yang diwujudkan oleh yang kaya. Selain daripada itu, orang kaya dikenakan cukai yang tinggi dan wang cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh yang miskin juga.

Ini bukanlah kali pertama saya menghuraikan masalah miskin dan kaya ini. Saya terpaksa menghuraikannya sekali lagi kerana ada orang Melayu yang sanggup mengemukakan dasar-dasar kerajaan yang dibentuk untuk menolong orang Melayu, semata-mata kerana mereka mudah terpengaruh dengan jolokan perasaan iri hati dan benci kepada orang yang lebih berada di kalangan mereka.

Bagi orang yang menggubal dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menolong orang Melayu dan Bumiputera, tidak ada yang lebih mengecewakan daripada mendengar orang Melayu sendiri mengemukakan dasar-dasar dan usaha-usaha untuk menolong mereka. Mereka yang mengemukakan ini nampaknya tidak suka melihat orang Melayu miskin, tetapi mereka sendiri tidak ada cadangan untuk membuat sesuatu demi kemajuan orang Melayu. Mereka sanggup menerima nikmat untuk diri mereka sendiri tanpa berterima kasih. Sesungguhnya mereka ini tidak bersyukur. Kita faham kenapa orang asing tidak suka melihat orang Melayu dan dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan pimpinan orang Melayu berjaya. Kita juga faham jika bukan Bumiputera daripada parti lawan tidak suka. Tetapi kita kecewa apabila ada orang Melayu yang mendapat nikmat tidak suka melihat kejayaan kaum bangsa mereka.

# Memantapkan

DARI MUKA 10

pada keadilan dan kemampuan melayan tuntutan tetapi kepada keperluan menghentikan kerosakan dan kerugian akibat ujian kekuatan. Pendek kata upahan diberi bukan kerana kerja yang dibuat tetapi kerana keupayaan merosak. Dengan itu kos meningkat dan daya saingan menjadi kurang. Kadangkala perniagaan terpaksa ditutup.

Jika dikaji dengan mendalam, salah satu faktor utama yang menyebabkan negara-negara maju mengalami kemelesetan ekonomi sekarang ialah kerana kos pengeluaran barangan mereka begitu tinggi sehingga keluaran mereka tidak dapat bersaing di pasaran. Namun pekerja dan kesatuan mereka masih terus menggunakan ujian kekuatan itu mogok dan tindakan-tindakan perusahaan lain untuk menambah upahan.

janji kerajaan Barisan Nasional. Jika kerajaan tidak berjanji pun, kerajaan tetap akan melakukannya. Kerajaan ini dipilih oleh pekerja juga. Tidak mungkin berjuta-juta undi yang Barisan Nasional perolehi, semuanya datang daripada tauke-tauke. Sebab itulah kerajaan akan berusaha untuk masyarakat pekerja sepertimana ia berusaha untuk anggota masyarakat yang lain. Semua lapisan masyarakat akan mendapat nikmat yang berpatutan jika Malaysia terus maju di bawah Barisan Nasional.

## Perubahan demi kejayaan

Dunia kini sudah banyak berubah. Perang Dingin sudah berakhir. Dunia yang dulu dwipolar sekarang menjadi unipolar. Komunisme

kita ketinggalan. Walaupun kita percaya setiap orang mempunyai had atau limit kebolehannya, tetapi tanpa usaha ber-sungguh-sungguh kita tidak mungkin tahu *limit* kita. Lagipun orang yang tidak berkebolehan dalam sesuatu jurusan, mungkin mempunyai bakat yang tinggi dalam jurusan-jurusan lain. Percubaan yang ber-sungguh-sungguh perlu dibuat dulu sebelum kita berpuas hati bahawa kita tidak mempunyai bakat dalam sesuatu bidang. Jika kita betul-betul berusaha, Insya-Allah, kita akan dapat mengenal pasti mereka yang mampu menguasai segala ilmu dan kecekapan yang akan menjayakan persaingan kita dengan bangsa-bangsa lain.

Sebenarnya kebolehan kita adalah sama dengan

kebolehan orang lain. Kemajuan yang sudah kita capai semenjak merdeka sepatutnya meyakinkan kita akan potensi bangsa kita. Dalam apa juga usaha, janganlah kita mudah berputus asa atau give up. Kita juga janganlah mudah berpuas hati dengan prestasi kita. Kita harus mengejar kecemerlangan sebagai sebahagian daripada budaya bangsa.

## Pendidikan dan ilmu

Pendidikan dan penguasaan pelbagai ilmu adalah penting untuk kemajuan kita. Jika kita akui ini, kita perlu menentukan *priority* kita. Jika untuk menguasai ilmu, kita perlu menguasai bahasa-bahasa lain, kita patut ber-sungguh-sungguh menguasai ba-

# budaya Melayu

hasa berkenaan. Adalah lebih cepat menguasai bahasa asing untuk mengejar pengetahuan daripada menunggu ilmu itu diterjemahkan kepada bahasa kita. Proses penterjemahan memakan masa kerana ia memerlukan orang yang fasih dalam bahasa asing dan bahasa kebangsaan serta pakar dalam bidang ilmu yang hendak dialihbahasakan. Kita tidak mem-

punyai ramai orang seperti ini. Yang adapun terlalu sibuk dengan kerja lain untuk mengalihbahasa dan mengarang buku. Kita juga tidak mempunyai masa memandangkan matlamat kita tidak statik tetapi sentiasa bergerak ke hadapan.

Bahasa bangsa yang tidak maju tidak akan dihormati. Sebaliknya bahasa bangsa yang maju

dan berpengetahuan tinggi bukan saja akan dihormati tetapi juga akan dipelajari oleh orang lain. Mereka yang sayang kepada bahasa kebangsaan mesti berusaha menjayakan bangsanya dengan secepat mungkin dulu. Dengan itu bahasanya dengan sendiri akan berkembang maju dan dihormati. Mereka yang tidak berusaha menjayakan bangsa, sebenarnya tidak sayang kepada bahasa mereka.

Mungkin ada yang berpendapat apalah gunanya kita mengejar segala kemajuan ini. Berpuas hati sajalah dengan pencapaian kita setakat ini. Malangnya jika kita tidak maju kita akan ketinggalan, dijajah, ditindas dan dihina. Sebahagian besar daripada penduduk negara ini terdiri daripada orang Islam. Umat Islam

di dunia sekarang dibunuh, diseksa dan dihalau dari negeri sendiri kerana mereka lemah, tidak maju, selalu mengemis serta bergantung kepada orang lain. Apakah kita orang Melayu ingin dijajah semula? Apakah kita ingin nasib orang Islam lain juga menimpa kita? Tidak menggunakan peluang yang wujud di negara ini bermakna tidak bersyukur dengan pemberian Allah s.w.t kepada kita.

Tetapi mengejar kemajuan ada bahayanya. Kita mungkin terlalu taksud dengannya sehingga lupa diri. Inilah yang sudah berlaku kepada beberapa bangsa yang maju. Untuk mengelak daripada berlakunya perkara ini, pembangunan rohaniah dan pelajaran

**LIHAT MUKA 12**

Dengan itu ekonomi mereka terus meleset walaupun faktor-faktor lain seperti modal, teknologi dan pasaran dalam negeri memberi comparative advantage kepada mereka.

Selagi kos pengeluaran kita rendah, kita akan dapat bersaing, membangun dan terus maju. Tetapi jika kita turut menggunakan sistem ujian kekuatan bagi menyelesaikan pertikaian industri maka suah tentu kita juga akan turut mengalami kenaikan kos dan kehilangan daya saing. Kesan kepada kita adalah lebih teruk kerana kita tidak mempunyai teknologi sendiri, kita kekurangan modal dan pasaran dalam negeri kita kecil.

Sebenarnya cara Barat bukanlah selalunya betul. Janganlah kita telan bulat-bulat semua saranan mereka. Penyelesaian pertikaian industri melalui ujian kekuatan adalah cara primitif. Ia adalah satu manifestasi kecezetkan tamadun Barat dan kita tidak perlu menerima cara ini. Sebaliknya kita harus menggunakan cara kita sendiri.

Kita tidak dapat menafikan ada majikan yang tidak berlaku adil terhadap pekerja. Jika ini berlaku, pihak terbabit, iaitu pekerja dan majikan, tidak boleh menjadi pengadil. Dalam pertikaian di antara dua pihak, hanya pihak ketiga yang boleh mengadili dengan saksama. Kenapakah kita perlu ada ujian kekuatan atau *test of strength*?

Apakah akan terjadi kepada sesuatu masyarakat diselesaikan melalui ujian kekuatan? Apakah masyarakat akan aman dan maju? Sama-samalah kita fikirkan perkara ini.

Hasrat kerajaan ialah supaya semua pekerja di Malaysia mendapat upahan yang tinggi. Negara maju tidak bermakna kepada pekerja jika pendapatan mereka terus rendah. Bagaimanapun jumlah pendapatan bukanlah

yang pada satu ketika adalah sistem alternatif kepada sistem demokrasi liberal sudah runtuh.

Seperkara yang menarik ialah negara yang maju boleh merosot dan yang dulu tertinggal boleh maju. Anggapan bahawa negara yang dahulu ketinggalan tidak mungkin mengejar negara maju jelas tidak benar. Jika formula yang sesuai dan tepat digunakan dan disertai dengan usaha yang gigih, insya-Allah, negara membangun boleh setanding dengan negara maju. Ini sudah dibuktikan oleh Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Ada kemungkinan China akan menjadi salah satu daripada negara yang termaju dan benar-benar menjadi satu kuasa besar.

Hari ini dunia akui bahawa ekonomi yang dinamik terdapat kebanyakannya di Asia Timur, termasuk Asia Tenggara. Malaysia juga sudah termasuk dalam golongan negara yang dinamik. Demikianlah pencapaian Malaysia sehinggalah jumlah saham yang dinia-gakan di Bursa Saham Kuala Lumpur melebihi jumlah saham yang dinia-gakan di pasaran saham New York atau Tokyo.

Bagi Malaysia menjadi sebuah negara maju bukanlah perkara yang mustahil lagi. Wawasan 2020 bukan satu impian atau satu angan-angan Mat Jenin. Wawasan ini boleh menjadi kenyataan. Tetapi ia tetap tidak akan datang bergolek, seperti juga kejayaan yang kita capai sekarang ini bukan secara kebetulan. Kejayaan yang sudah kita capai adalah hasil rancangan dan tindakan yang mengambilkira banyak faktor. Untuk mencapai sesuatu, pelbagai usaha perlu dibuat dan dibuat dengan cepat oleh kerajaan dan rakyat. Pembetulan perlu dilakukan sepanjang masa apabila saja kesilapan atau kelemahan dikenal pasti.

perkara utama. Sebabnya ialah pendapatan boleh dinaikkan dengan menurunkan nilai mata wang. Dan nilai mata wang tetap turun apabila kos naik dan inflasi meningkat. Demikian juga jika kita membayar gaji dengan mata wang seperti *lira* Itali umpamanya, kita akan mendapat gaji yang jumlahnya tinggi tetapi barangan yang kita boleh beli dengan mata wang itu tidak bertambah. Begitu juga kita turunkan nilai ringgit supaya ia hanya bernilai lima puluh sen, kita boleh menaikkan gaji sekali ganda, tetapi kuasa membeli kita tidak bertambah. Kita tidak menjadi lebih kaya hanya kerana duit kita lebih banyak.

Kerajaan berpendapat kita boleh menaikkan upah pekerja secara bermakna, iaitu tanpa menjatuhkan nilai ringgit atau menaikkan kos sara hidup. Untuk ini, kita perlukan kerjasama masyarakat pekerja untuk membendung inflasi. Kerajaan Barisan Nasional akan berpegang kepada janji-janjinya melainkan sesuatu yang di luar dugaan berlaku. Masyarakat pekerja patut sedar bahawa kemajuan negara sekarang dapat dinikmati secara langsung oleh pekerja tanpa tindakan perusahaannya. Oleh itu per-cayalah kepada janji-

## Budaya bangsa dan Melayu baru

Sesuatu bangsa tidak menjadi maju atau mundur hanya kerana keadaan semula jadi. Maju mundurnya sesuatu bangsa lebih bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh bangsa itu. Sebab itulah bangsa Arab jahiliah dengan kepercayaan yang kolot tidak maju. Tetapi apabila mereka menerima ajaran Islam dan menukar nilai-nilai hidup mereka, mereka berjaya sehingga dapat menakluk separuh dunia dan mendirikan satu empayar dan tamadun yang cemerlang.

Jika sehingga beberapa tahun yang lalu orang Melayu dan Bumiputera agak mundur berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia, ini bukanlah kerana *nature* atau *character* mereka. Apabila saja mereka mengubah nilai-nilai budaya mereka, prestasi mereka meningkat.

Sudah tentu bentuk budaya Melayu baru yang perlu diwujudkan ini hendaklah sesuai dengan kemajuan. Jika kita ingin mengejar dan mendahului orang lain, kita tidak boleh terus mengamalkan pendekatan yang lama yang sudah menyebabkan

# Mengamalkan

DARI MUKA 11

agama mesti mengimbangi segala usaha ke arah kemajuan material dan intelektual.

Inilah masyarakat Melayu baru dan Bumiputera baru yang hendak kita wujudkan, Melayu baru ini akan serba boleh dalam pelbagai bidang, lebih luas pandangannya, dan lebih dihormati. Tetapi mereka hendaklah kekal dengan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian mereka. Demikian juga Bumiputera lain dan rakyat Malaysia yang lain.

## Islam —sumbangan Umno

Sebagai sebuah negara Islam, kita sentiasa peka dan mengambil berat mengenai perkara yang menyentuh agama Islam dan umat Islam di mana saja mereka berada.

Kita amat sedih bahawa imej Islam hari ini amat rendah dan selalunya dikaitkan dengan kemunduran dan kegagalan dalam hampir semua bidang. Orang Islam dan negara-negara Islam mudah diperalat dan dipermainkan oleh kuasa-kuasa asing.

Kekayaan yang tidak terhingga yang dikurniakan kepada negara-negara Islam tidak menguntungkan mereka bahkan sudah menyebabkan mereka berperang sesama sendiri dan menjadi medan ujian bagi senjata Barat. Sedikit sebanyak sikap bias dan prejudis bukan Islam terhadap Islam adalah disebabkan oleh umat Islam sendiri. Tindak-tanduk yang radi-



Sudah ada tanda-tanda bahawa Barat kini menganggap Islam sebagai satu ancaman

kal dan ekstrim oleh sebilangan kecil umat Islam sudah menyebabkan dunia bukan Islam beranggapan bahawa itulah way of life atau cara hidup Islam yang difaungkan, sedangkan kita tahu bahawa itu adalah satu aberration atau satu penyelewengan yang terkeluar daripada amalan normal Islam.

Kita juga sedih dengan nasib saudara Islam kita di Bosnia yang setiap hari dibedil, dibunuh dan dihalau dari tempat tinggal mereka. Demikian juga nasib orang Islam di Somalia yang menghadapi kelaparan dan kematian. Lebih menyedihkan kita ialah umat Islam tidak dapat berbuat apa-apa. Kita berharap dan bergantung kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah umat Islam.

Ini kerana pada hari ini kita tidak ada satu pun kuasa besar Islam yang boleh bertindak dengan berkesan atau dapat mempengaruhi badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk bertindak. Ia juga disebabkan oleh tidak adanya perpaduan dan persaudaraan antara negara-negara Islam.

Dengan berakhirnya Perang Dingin dan dengan keruntuhan sistem komunisme, besar kemungkinan Barat akan mengalih perhatiannya kepada Islam. Sudah ada tanda-tanda bahawa Barat kini menganggap Islam sebagai satu ancaman kepada mereka. Ada kemungkinan kita akan menjadi sasaran serangan Barat secara langsung. Dengan kelemahan kita sekarang, serangan oleh Barat boleh menghancurkan kita sama sekali.

Walaupun Malaysia adalah sebuah negara Islam yang kecil dan lemah, kita berasakan adalah tanggungjawab kita untuk menyuarakan pandangan kita terhadap ketidakadilan yang berlaku ke atas umat Islam. Itulah sebabnya mengenai Bosnia dan perkara-perkara lain, suara kita lantang. Kita juga sedaya upaya menyertai usaha-usaha damai antarabangsa di Somalia dan Bosnia. Dalam hal ini, kita sudah menyumbang anggota keselamatan kita untuk menyertai pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di samping itu, kita juga berusaha untuk me-

yakinkan dunia bahawa sebenarnya Islam adalah satu agama yang progresif dan tidak memusuhi sesiapa. Untuk meningkatkan kefahaman orang bukan Islam terhadap Islam, kita sudah menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam atau Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC). Kita juga sudah menubuhkan Bank Islam dan Syarikat Islam adalah munasabah dan mampu menampung keperluan masyarakat manusia.

Kita juga sudah menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa untuk menunjukkan bahawa sistem pendidikan tinggi Islam boleh berjalan seiring dengan sistem pendidikan ilmu-ilmu yang moden dan canggih.

Atas kesedaran untuk membetulkan persepsi dunia bukan Islam bahawa negara Islam tidak semestinya mundur dan lemah, kita sudah menetapkan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Kita ingin mengembalikan, sekurang-kurangnya di Malaysia, zaman kegemilangan Islam di waktu mana penguasaan dan penerokaan ilmu dan perusahaannya yang canggih terdapat lebih di negara-negara Islam daripada negara-negara lain. Jika dahulu umat Islam dan negara Islam begitu maju, tidak ada sebab kenapa hari ini kita tidak boleh lebih maju daripada orang lain atau sekurang-kurangnya sama maju se-

sikap sederhana

perti mereka.

## Umno - gandingan pelbagai ilmu

Orang Islam boleh maju jika mereka tidak menganggap agama Islam sebagai agama untuk akhirat semata-mata. Islam menyuruh kita mengimbangkan dunia dengan akhirat. Sudah tentu dalam bidang pengetahuan imbangannya amat penting.

Kemunduran umat Islam bermula apabila satu kumpulan ulama Turki Osmaniah membelakangkan imbangannya ini dan menghalang pelajaran ilmu yang lain daripada yang khusus berkenaan dengan agama. Langkah ini dibuat kerana mereka melihat dalam dunia Kristian orang yang bukan paderi sudah semakin berpengaruh ke atas pentadbiran raja-raja Eropah sehingga berjaya memisahkan gereja daripada pentadbiran sedangkan dulunya gereja menguasai pentadbiran. Dengan pemisahan ini paderi-paderi diketepikan. Ulama-ulama Turki ketika itu takut pengaruh mereka ke atas Kerajaan Osmaniah akan luntur jika terdapat ramai orang terpelajar dalam bidang-bidang lain. Tindakan ulama-ulama Turki ini sudah menyebabkan ilmu pengetahuan orang Turki merosot dan dengan itu Turki menjadi semakin lemah sehingga tidak lagi menjadi kuasa besar. Apabila Empayar Osmaniah hancur, umat Islam dan wilayah Islam dibahagi-bahagikan antara negara-negara Barat. Semenjak itu umat Islam tidak dapat dibangunkan lagi dan tidak ada lagi kuasa besar Islam.

Di Malaysia sekarang ada juga pendapat bahawa ilmu yang bukan khusus berkenaan dengan agama Islam dan amalnya tidak penting, malah berbahaya. Dengan ini ramai daripada anak muda Melayu tidak berminat untuk mempelajari ilmu-ilmu yang lain selain daripada agama. Ada juga yang tiba-tiba

meninggalkan pelajaran yang dikatakan sekular untuk mempelajari apa yang ditakrif sebagai ilmu untuk akhirat. Oleh kerana mereka yang berbakat dalam pelbagai ilmu khusus tidak ramai di kalangan orang Islam di Malaysia, maka pengetahuan pelbagai ilmu yang penting untuk memajukan umat Islam tidak berkembang dengan luas. Ini menyukarkan pemulihan kekuatan umat Islam di Malaysia.

Keadaan menjadi lebih buruk kerana ada juga orang yang terpelajar dalam bidang agama yang ingin mengambil kesempatan daripada pegangan kuat orang Melayu kepada agama. Mereka sengaja menekankan bahawa ilmu-ilmu yang lain daripada agama adalah tidak penting. Seperti juga dengan ulama-ulama Turki dulu mereka berharap dengan ini kedudukan dan pengaruh mereka menjadi lebih kuat dan luas di kalangan orang Melayu terutama di arena politik. Oleh kerana kita memilih pentadbiran melalui proses demokrasi, mereka berharap akan mendapat kuasa bagi diri mereka.

Keadaan ini tidaklah banyak berbeza dengan keadaan di Turki pada penghujung pemerintahan Osmaniah. Untuk kepentingan politik, kumpulan tertentu di kalangan orang yang terpelajar dalam bidang agama sanggup menggadaikan masa depan dan kekuatan umat Islam.

Kita tidak menafikan perlunya masyarakat Islam mempunyai sekumpulan orang yang betul-betul terpelajar dan berpengetahuan mendalam dalam agama Islam. Kita juga tidak menafikan bahawa mereka boleh memainkan peranan dalam pentadbiran negara Islam untuk menentukan bahawa segala dasar dan pendekatan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi janganlah kerana kepentingan diri atau parti, mereka sengaja menyebarkan ajaran yang boleh merugikan

orang Islam dan menghalang usaha-usaha memulih kekuatan umat Islam.

Sejarah Turki tidak tamat dengan golongan ulama hanya kehilangan kuasa dan negara menjadi lemah. Kerana kecewa dengan kelemahan negara mereka, satu kumpulan pemuda Turki sudah muncul lalu menggulingkan Kerajaan kesultanan Osmaniah dan mendirikan kerajaan "sekular". Jelaslah percubaan ulama-ulama Turki untuk mengekalkan pengaruh mereka ke atas kerajaan sultan berakhir dengan penyingkiran dan pengasingan mereka secara langsung daripada terlibat dengan kerajaan. Kuasa mereka lenyap sama sekali. Kita khawatir jika tindakan sekumpulan daripada orang yang terpelajar dalam bidang agama di Malaysia menyebabkan orang Islam menjadi lemah dan kaku, orang Islam di negara ini akhirnya akan kecewa dan akan bertindak menghalang terus pengaruh agama dalam kerajaan negara ini. Jika ini berlaku ianya akan adalah satu tragedi bukan saja kepada kumpulan agama tetapi juga kepada negara.

Umno mengutamakan imbangannya di antara dunia dan akhirat. Umno berpendirian sederhana. Umno tidak ekstrem dan fanatik. Kita mengamalkan sikap sederhana ini kerana ia adalah secocok dengan ajaran Islam. Kita percaya bahawa gandingan antara orang yang terpelajar dalam pelbagai ilmu termasuk pakar agama adalah lebih baik dan lebih menguntungkan umat Islam. Kita

mungkin tidak akan menjadi kuasa besar tetapi kita percaya umat Islam di Malaysia yang sederhana, berimbang dan maju boleh menyumbang ke arah meninggikan lagi maruah dan kehormatan umat Islam dan agama Islam. Gandingan ini juga sedikit-sebanyak boleh mengembalikan zaman kecemerlangan Islam. Dan agama Islam akan selamat.

## Kesetiaan kepada parti

Kita amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, Umno kini lebih mantap, kukuh, disiplin dan bersatu padu. Perpecahan dalam parti yang berlaku pada tahun 1987 yang berakhir dengan pengharaman Umno sudah mengajar kita semua supaya tidak terlalu mengikat diri kepada mana-mana individu. Sebaliknya kesetiaan kita hendaklah selalunya kepada parti.

Jika ahli Umno sedar akan hakikat bahawa kepentingan parti mengatasi segala kepentingan lain, saya yakin Umno akan sentiasa selamat dan terus maju. Umno yang selamat bukan saja akan menyelamatkan orang Melayu dan Bumiputera tetapi juga kaum lain di negara ini.

Kita berharap tidak ada lagi individu atau kumpulan dalam parti kita yang sanggup melihat Umno hancur hanya kerana hasrat atau cita-cita peribadi mereka tidak tercapai. Umno adalah milik seluruh ahli

**LIHAT MUKA 13**

# Pemimpin perlu berkualiti

DARI MUKA 12

parti dan bukan mana-mana individu atau kumpulan. Justeru itu, perjuangan Umno hendaklah untuk kepentingan semua ahli Umno dan bukan mana-mana individu atau pasukan.

## Pemilihan pemimpin

Umno berpegang teguh kepada demokrasi kerana demokrasi adalah satu sistem yang adil dan lebih selamat. Perkara yang terpenting dalam demokrasi ialah hak untuk memilih pemimpin. Ini bermakna pemimpin boleh ditukar jika majoriti ahli ingin berbuat demikian.

Tahun ini sekali lagi kita menghadapi pemilihan kepimpinan parti kita. Walaupun sejak Umno ditubuhkan kita sudah berkali-kali memilih pemimpin, namun kita masih tidak dapat mengelak daripada menghadapi masalah ketika pemilihan. Lebih tinggi jawatan yang ditandingi, lebih banyak masalah berlaku. Tetapi saya penuh harapan kita akan dapat mengatasi masalah dan kesan-kesan buruk yang dibawa bersama dengan pemilihan pemimpin.

Saya berasa sedih kerana Yang Berhormat Encik Ghafar Baba memilih untuk meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan semua jawatan lain dalam kerajaan dan parti. Ghafar sudah menyumbangkan tenaga dan

fikiran kepada parti kita semenjak ditubuhkan dan sudah memegang jawatan Naib Presiden selama 25 tahun, satu rekod bagi seorang pemimpin parti. Kemudian beliau memegang jawatan Timbalan Presiden. Saya amat terhutang budi kepada Ghafar kerana sudah sanggup memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Musa Hitam melepaskan jawatan itu pada tahun 1986. Sokongan dan kerjasama daripada Ghafar menolong saya dan parti mengatasi krisis dan pengharapan Umno pada tahun 1988. Bagi pihak diri saya, Majlis Tertinggi dan semua ahli parti, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ghafar kerana khidmat dan jasanya kepada parti dan juga kerajaan. Saya berdoa Ghafar berjaya dalam apa juga kegiatannya selepas ini. Jasa beliau tetap dikenang.

Dalam proses pemilihan pemimpin-pemimpin kali ini mungkin saya sudah melakukan sesuatu yang menyebabkan sangkaan bahawa saya tidak betul-betul berkecuali. Saya tidak sengaja jika saya sudah melakukannya. Saya mohon maaf. Hanya saya percaya bahawa apa yang saya lakukan adalah untuk kebaikan parti. Masa akan menentukan sama ada apa yang dibuat atau tidak dibuat oleh saya itu benar-benar baik untuk parti atau tidak.

Sebagai seorang yang dilantik oleh ahli Umno, saya sedar bahawa walau bagaimana popular sekalipun seseorang pemimpin itu, akhirnya ia akan digugurkan juga. Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya. Hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula. Demikianlah politik.

Dalam pertandingan ini mereka yang akan kalah patutlah bersedia untuk menerima kenyataan. Kekalahan tidak menghinakan kita. Yang meng-

hinakan kita ialah apabila kita bertindak liar kerana marah apabila kalah. Yang mulia antara yang kalah ialah mereka yang akan terus menyumbangkan khidmat mereka kepada parti. Alhamdulillah, ramai daripada mereka yang sudah tidak menjadi pemimpin parti atau memegang jawatan dalam kerajaan masih aktif dalam hal-ehwal parti. Saya percaya mereka ini sedar mereka naik dulu pun kerana parti. Mereka bukanlah daripada jenis orang yang membakar jambatan sesudah

menyeberang.

Bagi yang menang pula, saya ingin mengingatkan mereka bahawa ini adalah hari mereka. Esok mereka juga mungkin jatuh. Justeru itu janganlah terlalu sombong dan angkuh kerana kemenangan. Kemenangan tidak bermakna jika kita hanya separuh saja daripada parti. Janganlah jadikan kemenangan sebagai punca perpecahan parti. Janganlah fikir kita boleh mengambil semua dan boleh menyingkirkan mereka yang tidak bersama kita. Yang kalah pun men-

Bumiputera.

Ada yang berjuang untuk mendapat tempat, jawatan dan pangkat. Umno tidak mempunyai tempat untuk orang seperti ini. Jika kita ingin mendapat tempat, sebabnya mestilah kerana inginkan peluang untuk menjayakan idea-idea kita, idea-idea yang kita percaya boleh mendatangkan kejayaan dan kebahagiaan kepada parti, agama, bangsa dan negara.

Umno tidak hanya memerintah. Umno bertanggungjawab untuk menyelesaikan pelbagai masalah, terutamanya masalah orang Melayu dan Bumiputera. Umno mesti menyelesaikan masalah ini tanpa merosakkan negara, bahkan di samping membangunkan negara. Untuk ini, kita perlu kepada idea atau pemikiran yang bernas dan tajam.

Tetapi kita juga perlu kepada pengalaman yang luas yang boleh membeza dan menilai akan idea-idea yang dikemukakan oleh pemimpin atau pihak lain.

Kita perlu berlumba dengan negara-negara lain. Kita perlulah kestabilan dan kita perlukan pembangunan. Kita perlu kekal sebagai negara yang benar-benar merdeka. Untuk menentukan semua ini, kita perlukan kepemimpinan yang serba berkemampuan dan serba cekap. Kita perlukan pemimpin-pemimpin yang cekap berpolitik dan cekap mentadbir.

Kita perlukan pemimpin-pemimpin yang patriotik. Jika semua kualiti ini tidak ada pada seseorang individu, dan memang ia sukar didapati, sekurang-kurangnya kualiti ini perlu ada di kalangan mereka yang menerajui parti dan menganggotai Kerajaan. Mereka mesti bekerja sebagai satu pasukan dan bukan kerana mereka daripada satu pasukan. Tidak ada tempat bagi primadona dalam kerajaan. Yang perlu diutamakan ialah kecekapan, kemahiran, kesanggupan membelakangkan diri dan mengutamakan tugas dan negara.

Segala-galanya ini bergantung kepada ahli yang diberi kuasa memilih. Kita akan dapat apa yang padan bagi kita. Baik atau buruknya Kerajaan yang dipilih adalah kerana kita. Jika kita memilih mengikut nafsu, buruk padahnya. Sebaliknya, jika kita membuat penilaian yang baik terhadap pemimpin yang akan kita pilih, insya-Allah kita akan mendapat kebahagiaan.

Saya berdoa semoga Allah s.w.t memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua supaya kita lakukan yang baik dan bijak, dan pemilihan yang akan kita buat sebentar lagi akan membawa nikmat dan kebahagiaan kepada kita semua, kepada orang Melayu dan Bumiputera, kepada agama, bangsa dan negara Malaysia.

Selamat bersidang.

dapat sokongan juga dan mereka masih berhak.

Selepas pemilihan, ahli-ahli Umno hendaklah merapatkan semula barisan. Ingatlah bahawa kita tidak berjuang untuk menjayakan mana-mana individu. Kita berjuang untuk parti kita Umno. Jika calon kita menang tetapi parti kita hancur atau lemah, sebenarnya kita kalah. Parti kita bukan milik orang yang bertanding atau orang kanan mereka. Umno dimiliki oleh semua ahli Umno, bahkan ia dimiliki oleh semua orang Melayu dan